

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/1990**

**Mac/April 1990**

**BZT 394/3: PERLAKUAN HAIWAN**

**Masa: [3 jam]**

---

**Jawab LIMA daripada ENAM.**

**Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.**

---

1. Tuliskan nota pendek mengenai 2 tajuk dari yang berikut:
  - (a) Sambutan terkejut oleh anak ayam belanda terhadap imej pemangsa yang menerbang.
  - (b) Perlakuan naluri tebuan menggorek betina
  - (c) Sambutan mematuk oleh anak gull (kajian Tinbergen & Perdeck, 1950).
  - (d) Kemampuan organ deria dan penapisan peransang perkeliling.

(20 markah)

2. Bincangkan langkah-langkah yang harus anda perhatikan untuk menjalankan kajian perlakuan yang berjaya untuk menjawab soalan yang berikut:

Adakah ikan pelaga yang dirawat dengan testosterone lebih agresif daripada ikan pelaga biasa?

(20 markah)

3. Haiwan yang sosial mempunyai sistem komunikasi yang berbeza. Kaedah komunikasi ini memang berkesan untuk mengadakan sesuatu organisasi sosial yang teratur. Ini boleh dicapai sekiranya beberapa prasyarat dipenuhi terlebih dahulu oleh individu-individu yang terlibat. Bincangkan kenyataan tersebut dengan rujukan kepada contoh-contoh spesifik.

(20 markah)

. . . 3/-

4. (i) Takrifkan perlakuan altruistik. Apakah perbezaannya dengan perlakuan kedekut?
- (ii) Huraikan satu peristiwa di mana perlakuan seekor monyet yang terlibat boleh dikatakan sebenarnya altruistik.

(20 markah)

5. (i) Huraikan model motivasi psiko-hidraulik Lorenz dan model Deutsch.
- (ii) Apakah perbezaan-perbezaan di antara kedua model tersebut?

(20 markah)

6. Pada individu yang terlibat, perlakuan boleh dipengaruhi oleh hormon. Sebaliknya, kata D.S. Lehrman, perlakuan boleh mengubahkan keadaan hormonnya. Merujuk kepada kes-kes tertentu, bincangkan kenyataan di atas.

(20 markah)

-ooo0ooo-